

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NASIONAL

RUU Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022

‘Dakwa pelaksanaan bersifat menghukum tak tepat’

Polisi besar dilaksana tanpa peruntukan undang-undang sukarkan usaha

Oleh Irwan Shafrizan Ismail
 bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kenyataan seseorang pihak bahawa Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022 bersifat menghukum adalah tidak tepat.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdul-

lah, berkata ini kerana pelaksanaan undang-undang itu selain untuk mengenakan denda, ia juga bertujuan mendidik masyarakat supaya kesalahan sama tidak berulang.

“Tambahan lagi kepatuhan masyarakat terhadap undang-undang yang ditetapkan adalah penting bagi menjamin impak kesihatan terhadap masyarakat yang ingin dicapai.

Selorong

“Sekiranya polisi yang besar sebegini dilaksanakan tanpa peruntukan undang-undang, maka perkara ini sukar dilaksanakan,” katanya kepada BH, semalam.

Minggu lalu RUU Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022 yang antara lain memperuntukkan larangan individu yang lahir

pada 2007 dan seterusnya, merokok, membeli atau memiliki produk tembakau atau peranti merokok dibentang untuk bacaan kali pertama di Dewan Rakyat.

RUU itu juga mengadakan peruntukan bagi pendaftaran produk tembakau, bahan merokok atau produk pengganti tembakau, selain mengawal pengiklanan, promosi dan penajaan, penjualan serta pembelian produk tembakau, bahan merokok, produk pengganti tembakau atau peranti merokok.

Menjelaskan lanjut, Dr Noor Hisham berkata, RUU berkenaan seperti mana bacaan pertama dibentang Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin pada 27 Julai lalu merangkumi dua kawalan utama, iaitu produk rokok dan

kawalan terhadap generasi yang lahir pada 1 Januari 2007 serta seterusnya.

“Khusus bagi kawalan terhadap produk tembakau sememangnya sudah dikuat kuasa mengikut undang-undang sedia ada iaitu Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004.

Perius kawalan

“Di bawah RUU, kawalan yang dibuat diperluaskan kepada semua produk merokok, selain tembakau, termasuk rokok elektronik atau vape.

“Sehingga kini rokok elektronik tiada kawalan dan RUU ini adalah penyelesaian terbaik terhadap isu penggunaan, terutama dalam kalangan remaja dan kanak-kanak,” katanya.

Tambahan lagi kepatuhan masyarakat terhadap undang-undang yang ditetapkan adalah penting bagi menjamin impak kesihatan terhadap masyarakat yang ingin dicapai

**Dr Noor Hisham Abdullah,
 Ketua Pengarah
 Kesihatan**



Dr Noor Hisham berkata, merokok bukan sahaja mendatangkan kemudaran kepada diri, malah ia membahayakan orang yang berada di sekeli ling.

“Dalam menangani isu merokok ini, kepentingan untuk menjaga kesihatan awam lebih utama berbanding hak individu untuk merokok,” katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Kemasukan pesakit ke hospital meningkat 2.8 peratus

Kuala Lumpur: Angka kemasukan pesakit COVID-19 ke hospital awam meningkat 2.8 peratus sepanjang minggu epidemiologi (ME) 30/2022 iaitu antara tempoh 24 Julai hingga Sabtu lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata dalam tempoh itu jumlah kes baharu menurun 5.2 peratus iaitu 28,339 kes, berbanding 29,886 kes sebelumnya.

Beliau berkata, peningkatan paling tinggi membabitkan kes import yang mendapat jangkitan luar negara iaitu 89.3 peratus atau daripada 28 kes kepada 53 kes, manakala penularan tempatan menurun 5.3 peratus (29,858 kes kepada 28,286 kes).

"Bagi peratusan pengisian katalitik fasiliti COVID-19, penggunaan katalit bukan kritisikal kekal 23 peratus, diikuti Unit Rawatan Rapi (ICU) kekal 14 peratus serta di Pusat Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) kekal tujuh peratus," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, kes positif yang dipantau melalui Pusat Penilaian COVID-19 (CAC) mencatat peningkatan kedatangan pesakit sebanyak 3.2 peratus.

"Bilangan kes COVID-19 baharu yang menjalani pemantauan di rumah menurun 0.5 peratus dan pesakit yang dirujuk CAC ke PKRC dan hospital pula menu run 19.9 peratus.

"Trend kes aktif yang dipantau (CAC) secara maya pada akhir ME 30/2022 pula turun 7.69 peratus berbanding pada akhir minggu lalu iaitu daripada 70,140 kes kepada 64,743 kes," katanya.

Kes sembuh

Mengulas kes sembuh di negara ini, Dr Noor Hisham berkata, ia turut meningkat 35.4 peratus iaitu daripada 22,757 kes kepada 30,823 kes.

"Bilangan kes kematian pada ME 30/2022 menunjukkan penurunan 28.6 peratus (63 kes kepada 49 kes) dan purata kes aktif setiap hari bagi ME 30/2022 adalah 47,176 iaitu terdapat peningkatan 3.6 peratus berbanding minggu sebelumnya," katanya.

Berhubung kes penyakit seperti influenza (ILI) membabitkan kes COVID-19, beliau berkata, hasil pemantauan di lokasi sentinel seluruh negara mendapati 107 sampel ILI dikesan positif COVID-19 dengan kadar positif 14.5 peratus.

"Tiada sampel SARI (jangkitan pernafasan akut teruk) dikesan positif COVID-19 dengan kadar positif kekal sifar peratus pada ME 30/2022," katanya.

Wabak cacar monyet

Tingkat pencegahan jangkitan dalam negara

Amaran WHO isytihar wabak sebagai darurat kesihatan perlu dianggap serius

Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

Kuala Lumpur: Malaysia perlu meningkatkan tahap kesiasiaaan melalui langkah pencegahan dan kesedaran secara proaktif dalam usaha mengekang penularan wabak cacar monyet di negara ini.

Pakar Penyakit Berjangkit, Hospital Ampang Puteri, Dr Yazli Yuhana, berkata amaran dikeluarkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) yang mengisyiharkan wabak itu sebagai darurat kesihatan global perlu dianggap serius.

"Apabila WHO keluarkan ama-

ran ini, maknanya pihak mereka jangkakan penularan ke negara di luar Eropah akan lebih tinggi selepas ini.

"WHO ambil pendekatan ini untuk elak ia tersebar ke lebih banyak negara dan menular dengan lebih teruk," katanya kepada BH.

Sabtu lalu, Ketua WHO, Tedros Adhanom Ghebreyesus, mengisyiharkan penularan cacar monyet sebagai darurat kesihatan global, amaran tahap tertinggi.

Beliau berkata, penularan wabak itu berpotensi mencetuskan keimbangan di peringkat antarabangsa.

Dr Yazli berkata, walaupun wabak cacar monyet belum ada kes di Malaysia dan jangkitannya tidak mudah tersebar sebagaimana COVID-19, langkah berjaga-jaga tetap perlu dipertingkatkan.

"Semua orang perlu ingat, setiap daripada kita berisiko untuk mendapat jangkitan cacar monyet sekiranya ada kontak dengan pesakit dalam tempoh yang lama. Sebagai contoh, jika ada cecair cacar di bahagian kulit

pesakit dan tersentuh kepada kita, jadi daripada situ jangkitan boleh menular.

"Ia biasanya lebih senang dijangkiti jika individu itu duduk serumah dengan pesakit dan melalui interaksi secara rapat," katanya.

Mengulas sama ada kerajaan perlu memperketatkan prosedur operasi standard (SOP) sedia ada, beliau berpendangan, tiada keperluan untuk mengambil langkah berkenaan, sebaliknya langkah pencegahan secara kendiri adalah lebih digalakkkan.

Vaksinasi cacar air

"Sebagai langkah pencegahan, saya melihat antara perkara yang boleh dibuat sekiranya berlaku penularan dalam negara adalah menumpukan program vaksinasi cacar air (*smallpox*) kepada mereka yang berisiko tinggi contohnya pekerja kesihatan dan kepada kontak rapat (kepada pesakit).

"Saya juga tak melihat keperluan untuk tutup sempadan negara dalam keadaan ekonomi ketika ini sedang dalam fasa pe-

mulihan. Apa yang lebih efektif adalah elak daripada berinteraksi secara fizikal dengan orang yang tidak kita kenali status kesihatan mereka, umpamanya pelancong," katanya.

Sementara itu, Pakar Kesihatan Awam (Epidemiologi dan Biostatik), Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Malina Osman, berkata negara sentiasa berada dalam keadaan berjaga-jaga dalam menghadapi sebarang kemungkinan penularan cacar monyet di Malaysia.

Katanya, kemudahan rawatan, prasaranan pengurusan penyakit serta kemampuan keselesaan mendepani sebarang kemungkinan sentiasa diberikan perhatian dan ditambah baik dari masa ke masa.

"Dari aspek kewaspadaan masyarakat pula, memerlukan komitmen agresif dari mereka yang bertanggungjawab dalam kempen kesedaran kesihatan bagi membolehkan setiap individu sentiasa mengambil langkah perlu untuk mengelakkan diri mereka dari sebarang kemungkinan mendapat jangkitan," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : ANTARABANGSA

New York

CACAR MONYET

Pihak berkuasa di New York City pada Sabtu mengisyiharkan darurat ekoran peningkatan kes cacar monyet, lapor Agensi Anadolu (AA).

Datuk Bandar New York City Eric Adams dan Pesuruhjaya Kesihatan Ashwin Vasan dalam satu kenyataan bersama berkata, seramai 150,000 penduduk bandar itu mungkin berisiko dijangkiti wabak cacar monyet yang dilihat semakin meningkat.

New York City darurat!

Kes di San Francisco di California meningkat hampir dua kali ganda

150k

Jumlah penduduk bandar New York berisiko dijangkiti

"Kami juga bersetuju akan terus bekerjasama dengan rakan kongsi di peringkat persekutuan untuk mendapatkan lebih banyak dos vaksin sebaik sahaja ia tersedia kelak," menurut kenyataan itu.

Langkah itu diambil beberapa hari selepas New York dan San Francisco turut mengisyiharkan darurat.

"Saya mengisyiharkan darurat untuk mengukuhkan langkah pencegahan

menghadapi wabak cacar monyet," ciap Gabenor New York Kathy Hochul di Twitter pada Jumaat.

Sementara itu, kes di bandar raya San Francisco di California sudah meningkat hampir dua kali ganda dalam tempoh seminggu mencapai 261 kes.


Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada minggu lalu mengisyiharkan keemasan kesihatan global susulan penularan wabak cacar monyet.




ORANG ramai beratur bagi menunggu giliran untuk mendapatkan vaksin cacar monyet di sebuah klinik di London, semalam.
- Gambar Reuters



SEORANG lelaki hadir ke sebuah pusat kesihatan di New York bagi menerima vaksin cacar monyet.



PETUGAS di Pusat Kesihatan Westchester di New York menyediakan vaksin cacar monyet yang diberikan secara pandu lalu.



VAKSIN cacar monyet yang digunakan di San Francisco, Amerika Syarikat. - Gambar AP

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : LOKAL



PRESMA sokong RUU Kawalan Rokok dan Produk Tembakau 2022.

Kemelut pengusaha restoran akan berakhir

Kuala Lumpur: Dilema yang dihadapi pengusaha restoran berhubung isu merokok dalam kalangan pelanggan di premis berkenaan dijangka berakhir jika pembentangan Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Rokok dan Produk Tembakau 2022 diluluskan kelak.

Presiden Persatuan Pengusaha Restoran Muslim Malaysia (Presma) Datuk Jawahar Ali Talib Khan berkata, inisiatif itu ditunggu-tunggu semua pihak terutama restoran nasi kandar kerana ia amat baik untuk kesihatan rakyat di negara ini.

Katanya, apabila undang-undang lebih tegas dilaksanakan maka persekitaran restoran dan premis makanan menjadi lebih bersih dan segar selain memberikan suasana selesa kepada semua pelanggan.

"Sebagai pengusaha restoran yang berurusan de-



Berita menggembirakan kepada ahli Presma yang sebelum ini berdepan dilema terutama membabitkan pelanggan yang merokok"

Jawahar

ngan pelanggan setiap hari, sudah tentu ia berita menggembirakan kepada ahli Presma yang sebelum ini berdepan dilema terutama membabitkan pelanggan yang merokok.

"Inisiatif untuk melahirkan generasi muda sihat menerusi dasar Generation End Game (GEG) ini bakal memberi keselesaan kepada pelanggan untuk menikmati udara lebih segar di premis atau restoran," katanya.

*Inisiatif untuk melahirkan

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA!

Jangkitan pesakit Covid-19 luar negara meningkat

PUTRAJAYA — Jumlah kes import atau pesakit Covid-19 yang mendapat jangkitan dari luar negara menunjukkan peningkatan sebanyak 89.3 peratus atau 53 kes pada minggu 24 Julai hingga 30 Julai (Minggu Epidemiologi 30) berbanding 28 kes minggu sebelumnya.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdulrahman berkata, menerusi perbandingan antara ME 29 dan ME 30 tahun ini, pihaknya turut mendapati berlaku peningkatan pada jumlah purata kes aktif.

"Purata kes aktif setiap hari bagi ME 30/2022 adalah 47,176 iaitu terdapat peningkatan sebanyak 3.6 peratus berbanding minggu sebelumnya."

"Kes sembuh juga telah menunjukkan peningkatan sebanyak 35.4 peratus iaitu 22,757 kes kepada 30,823 kes," katanya.

Tambah Noor Hisham, bilangan kes baharu pada ME 30/2022 menurun sebanyak 5.2 peratus daripada 29,886 kes kepada 28,339 kes di mana kes tempatan menurun sebanyak 5.3 peratus," katanya.

Menurutnya, bilangan kes kematian pada minggu itu juga menurun 28.6 peratus iaitu daripada 63 kes kepada 49 kes



Kes-kes positif di Pusat Penilaian Covid-19 terus menunjukkan peningkatan dengan bilangan kedatangan pesakit meningkat sebanyak 3.2 peratus." dengan kumulatif kes kematian sebanyak 35,960 kes.

"Kes-kes positif di Pusat Penilaian Covid-19 terus menunjukkan peningkatan dengan bilangan kedatangan pesakit meningkat 3.2 peratus.

"Bagaimanapun pesakit baharu yang menjalani pemantauan di rumah menurun 0.5 peratus termasuk yang dirujuk CAC ke Pusat Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah dan hospital yang menunjukkan penurunan sebanyak 19.9 peratus," ujarnya.

Jelas beliau, jumlah kemasukan pesakit Covid-19 ke hospital awam bagi setiap 100,000 penduduk bagaimanapun telah menunjukkan peningkatan sebanyak 2.8 peratus dengan peningkatan 5.6 peratus bagi pesakit kategori 1 dan 2.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : NASIONAL

Kes baharu Covid-19 menurun 5.2 peratus - Dr Noor Hisham

KUALA LUMPUR - Bilangan kes baharu Covid-19 pada Minggu Epidemiologi ke-30 (ME 30/2022) dari 24 hingga 30 Julai menurun sebanyak 5.2 peratus berbanding ME 29/2022 iaitu daripada 29,886 kes kepada 28,339 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, pada tempoh sama bilangan kes tempatan menurun sebanyak 5.3 peratus daripada 29,858 kes kepada 28,286 kes manakala kes import meningkat sebanyak 89.3 peratus daripada 28 kes kepada 53 kes.

"Bilangan kes sembuh pada ME 30/2022 pula meningkat sebanyak 35.4 peratus menjadi 30,823 kes berbanding 22,757 kes pada ME 29/2022 manakala kes kematian mencatatkan penurunan 28.6 peratus iaitu 49 kes berbanding 63 kes pada tempoh itu," katanya menerusi kenyataan.

Dr Noor Hisham berkata, dari 25 Januari 2020 (ME 4/2020) hingga 30 Julai 2022 (ME 30/2022), kumulatif kes baharu Covid-19 di seluruh negara adalah 4,677,270 sementara kumulatif kes sembuh sebanyak 4,594,311 kes dan kumulatif kes kematian 35,960 kes, manakala kumulatif kluster adalah 7,038 kluster dengan 19 kluster aktif.

Secara keseluruhan, beliau berkata, jumlah kemasukan pesakit Covid-19 ke fasiliti kesihatan iaitu hospital dan Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah (PKRC) awam bagi setiap 100,000 penduduk tiada perubahan ditunjukkan pada ME 30/2022 berbanding minggu sebelumnya.

Bagaimanapun, katanya, jumlah kemasukan pesakit Covid-19 ke hospital awam bagi setiap 100,000 penduduk meningkat sebanyak 2.8 peratus, dengan bilangan pesakit kategori satu dan dua meningkat 5.6 peratus manakala tiada perubahan bagi pesakit kategori tiga, empat, dan lima. - Bernama



DR NOOR HISHAM

MENDEPANI KRISIS
COVID-19:
APA TINDAKAN
KITA?

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 13

RUANGAN : NASIONAL

RUU mampu lahirkan generasi bebas nikotin

SHAH ALAM - Pertubuhan bukan kerajaan, Briged Negaraku menyambut baik dan menyokong Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Tembakau dan Merokok yang akan dibentangkan oleh Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar dalam masa terdekat bagi menyelesaikan isu ketagihan merokok.

Presidennya, Khairul Nizam Mohd Sopery berkata, dasar tersebut secara asasnya adalah satu inisiatif yang sangat bagus dan sepatutnya sudah lama diketengahkan oleh kerajaan sekali gus membentuk generasi kelahiran seawal tahun 2000 untuk terlibat sama sebagai generasi penamat (GEG).

Menurutnya, rokok dan vape sememangnya telah difatwakan sebagai haram oleh Majlis Fatwa Kebangsaan kerana mendatangkan kemudaratkan kesihatan, selain mengundang ramai pelajar sekolah berhadapan dengan masalah di-

siplin.

Beliau berkata, walaupun rokok telah lama bertapak di negara ini tetapi permasalahan melibatkan para pelajar yang menghisap vape tidaklah seteruk seperti apa yang berlaku pada hari ini.

"Generasi yang ada pada masa ini merupakan harapan besar dalam membangunkan negara pada masa hadapan, maka ia perlu diselamatkan daripada budaya tidak baik.

"Kaedah yang diutarakan oleh Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin melalui Kementerian Kesihatan Malaysia ini dilihat akan

menjadi seperti salah satu kaedah didikan keluarga Melayu iaitu 'pu-kul anak sindir menantu'.

"Untuk itu, generasi GEG yang bakal dilahirkan ini akan meningkatkan lagi kesedaran orang ramai tentang bahaya rokok dan vape terhadap faktor kesihatan," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.



KHAIRUL NIZAM

AKHBAR : THE SUN**MUKA SURAT : 4****RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS**

New Covid-19 cases drop 5.2% from last week

KUALA LUMPUR: The number of new Covid-19 infections recorded in the 30th epidemiological week (ME30/2022), from July 24 to 30, dropped by 5.2% to 28,339 cases from 29,886 the previous week.

Health Director-General Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said local infections showed a 5.3% drop from 29,858 cases in ME29 to 28,286 in ME30, while the number of imported cases jumped by 89.3% from 28 to 53 during the period.

"The number of recovered cases in ME30 also increased by 35.4% from 22,757 to 30,823," he said in a

statement yesterday.

According to Noor Hisham, the number of deaths in ME30 decreased by 28.6% to 49, compared with 63 in ME29.

He said from Jan 25, 2020 (ME4/2020) to July 30 this year, the cumulative number of Covid-19 cases nationwide stood at 4,677,270, cumulative deaths were 35,960, while cumulative clusters were 7,038 with 19 of them active.

Noor Hisham said overall, there were no changes in the admission of Covid-19 patients into health facilities, namely public hospitals

and Covid-19 quarantine and treatment centres per 100,000 population in ME30 compared with ME29.

However, there was a 2.8% increase in the number of Covid-19 patient admissions to public hospitals per 100,000 population, with categories One and Two patients rising by 5.6%, while there were no changes for patients in categories Three, Four and Five.

He also said the percentage of Covid-19 bed occupancy in ME30, namely for non-critical cases, intensive care unit patients and

treatment centres remained at 23%, 14% and 7% respectively.

Noor Hisham added that positive cases monitored by Covid-19 assessment centres (CAC) nationwide still showed an increase based on a comparison of physical CAC data reported on ME29 and ME30.

On influenza-like-illness (ILI) and severe acute respiratory infection (Sari) surveillance, he said 107 ILI samples tested positive for Covid-19 with a positive rate of 14.5%, while the positive rate of Sari samples remained at 0%. - Bernama